

# PEMANDU ADA 7 REKOD JENAYAH DADAH

*Suspek positif dadah, polis turut temukan satu straw berisi hablur jernih dipercayai syabu*

Bentong

Pemandu pacuan empat roda yang menyebabkan kematian seorang guru Bahasa Inggeris dan tiga anaknya di Kilometer 2 Jalan Lebu-Mempaga berhampiran susur ke Lebuhraya Central Spine Road (CSR) di sini, kelmarin didapati positif dadah.

Ketua Polis Daerah Bentong Superintendan Zaiham Mohd Kahar berkata, suspek berusia 44 tahun menerima rawatan di Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh.

Menurutnya, saringan ujian air kencing terhadap pemandu Nissan Navara itu didapati positif dadah jenis methamphetamine.

Katanya, pemeriksaan di dalam kenderaan itu juga menemukan satu tiub straw lutsinar berisi hablur jernih dipercayai syabu dan suspek mempunyai tujuh rekod jenayah berkaitan dadah.

“Siasatan awal mendapati

suspek yang memandu Nissan Navara dipercayai tidak berhenti semasa lampu isyarat merah di lorong kiri lalu terus melanggar bahagian hadapan Toyota Vellfire menyebabkan kenderaan itu berpusing dan melanggar besi pembahagi jalan.

“Akibatnya, empat mangsa yang menaiki Toyota Vellfire dari Gua Musang, Kelantan menuju ke Kuala Lumpur untuk menghadiri



*Empat mangsa yang menaiki Toyota Vellfire dari Gua Musang, menuju ke Kuala Lumpur untuk menghadiri majlis perkahwinan maut”*

Zaiham Mohd Kahar

majlis perkahwinan maut di tempat kejadian,” katanya.

Dalam kejadian itu, empat mangsa iaitu Raihan Mohamad, 43, dan tiga anaknya Ahda Dalili Mohd Nazri, 14, Ahmad Muaz, 7, dan Ahda Imtinan, 5, maut, manakala pemandu Toyota Vellfire, Mohd Nazri Hamid, 44, hanya cedera ringan.

Zaiham berkata, siasatan akan dibuat Seksyen 12(2) dan Seksyen 15(1)(a) Akta

Dadah Berbahaya 1952 serta Seksyen 44(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.

“Pada masa sama, pihak polis meminta saksi yang melihat kejadian terbabit agar tampil bagi membantu siasatan,” katanya.

Katanya, orang ramai dinasihatkan sentiasa berhati-hati memandu di musim perayaan dan tidak memandu di bawah pengaruh dadah atau alkohol.

